

Perkhidmatan Kebompaan Penting Untuk Pembangunan Kawasan - Raja Dr Nazrin Shah
Bernama
5 Jun, 2012

BAGAN DATOH, 5 Jun (Bernama) -- Perkhidmatan kebompaan yang baik adalah amat penting bagi pembangunan sesuatu kawasan kerana para pelabur terutama dari negara luar yang maju meletakkan syarat perlunya satu tahap perlindungan keselamatan yang setanding, titah Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah kemakmuran ekonomi dan kestabilan sesebuah negara tidak akan dapat dicapai tanpa jaminan keselamatan yang baik daripada aspek jenayah atau ancaman bencana.

"Para pelabur tidak akan membuat pelaburan jika didapati keselamatan aset dan harta benda mereka tidak terjamin. Oleh itu penekanan kepada aspek keselamatan dari bencana kebakaran dan pencegahan dari bencana kebakaran merupakan suatu langkah penting," titah baginda ketika menyempurnakan perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang di sini, Selasa.

Titah baginda setiap pembangunan yang akan dilaksanakan perlu memikirkan aspek keselamatan dan kesejahteraan umum termasuk menjaga persekitaran bagi mengelakkan sebarang musibah, baik dari bencana kebakaran atau alam.

Baginda bertitah perkhidmatan kebompaan merupakan satu keperluan penting khususnya bagi kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi, kawasan perindustrian serta pusat komersial.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670945>